

**PEMILIHAN BAHAN BACAAN ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR  
UNIVERSITI AWAM**

**Noor Adawiyah Ahmad Radzi<sup>1</sup>**

**Nik Farhan Mustapha<sup>2</sup>**

**Pabiyah Hajimaming@TokLubok<sup>2</sup>**

Kolej Universiti Islam Melaka<sup>1</sup>

Universiti Putra Malaysia<sup>2</sup>

**Abstrak**

Pemilihan bidang atau topik yang diminati pelajar merupakan antara elemen penting dalam proses membaca sesuatu bahan bacaan. Topik yang tidak diminati akan membuatkan pelajar kurang berminat untuk meneruskan pembacaan. Dalam konteks bahasa Arab di Malaysia, kajian lepas membuktikan para pelajar kurang berminat untuk membaca bahan berbahasa Arab. Justeru, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti bidang bahan bacaan yang menjadi pilihan pelajar, kekerapan bidang pilihan pelajar serta perbezaan jantina dalam pemilihan bidang bacaan. Seramai 543 orang pelajar Universiti Awam yang sedang mengikuti pengajian bahasa Arab sepenuh masa di empat Universiti Awam sekitar Lembah Klang telah dipilih. Pengumpulan data adalah menggunakan Ujian Inventori Minat Dapatkan kajian mendapati bahawa pelajar Universiti Awam lebih cenderung memilih bahan bacaan dalam bidang pendidikan, keagamaan dan makanan. Selain itu, hasil Ujian-t pula mendapati hanya bidang pemakanan sahaja yang menunjukkan perbezaan di antara responden lelaki dan perempuan. Hasil kajian dijangka dapat membantu tenaga pengajar dalam memilih bahan bacaan yang sesuai dengan kehendak pelajar agar masalah kurang minat dalam membaca dapat diatasi.

**Kata Kunci:** *Membaca, bahan bacaan Arab, minat, pelajar Universiti Awam.*

## **ARABIC READING MATERIAL SELECTION AMONG PUBLIC UNIVERSITY STUDENTS**

### ***Abstract***

*The choice of field or topic that the student is interested in is an important element in the process of reading a reading material. Topics that are not interested will make students less interested in continuing reading. In the context of Arabic language in Malaysia, past studies prove that students are less interested in reading Arabic language materials. Thus, this study was conducted to identify the areas of reading materials that were selected by students, the frequency of student choice and gender differences in the selection of reading field. A total of 543 Public University students pursuing full-time Arabic studies at four Public Universities around the Klang Valley were selected. The data collection was using the Inventory Test of Interest. The study found that Public University students were more likely to choose reading materials in education, religion and food. In addition, the results of the T-test found that only nutrition areas showed differences between male and female respondents. The results of the study are expected to assist the instructors in selecting reading materials that are appropriate to the students' needs so that the problem of lack of interest in reading can be overcome.*

**Keywords:** Field, Arabic literature, interests, students of Public University.

### **PENGENALAN**

Dalam konteks pembelajaran, pembentukan ilmu boleh berlaku melalui empat (4) kemahiran utama bahasa yang merangkumi kemahiran membaca, menulis, bertutur dan mendengar. Dalam hal ini, penguasaan kemahiran membaca harus diutamakan dalam kalangan pelajar universiti kerana kepentingan membaca ini amat jelas dalam membina pengetahuan dan pengalaman. Namun begitu, sebelum proses membaca dimulakan, pelajar perlu menentukan bahan bacaan yang akan dibaca agar matlamat membaca dapat direalisasikan (Gaya, Dan, Pendidikan, & Johor, 2007).

Selain itu, pelajar boleh memilih pelbagai bahan bacaan yang sesuai dengannya bagi memastikan matlamat pembacaan tercapai dengan jayanya (Rosni, 2009). Penguasaan dalam kemahiran membaca membantu seseorang individu dalam meluaskan ilmu pengetahuan. Malah, kebolehan menguasai kemahiran ini sangat penting dan sering menjadi ukuran dalam menentukan pencapaian pelajar dalam pelajaran. Namun, isu berkenaan pelajar lemah menguasai bahasa Arab

sering diperdebatkan (Kamarul Syukri et al, 2009). Di Malaysia, kajian lalu mendapati pelajar hanya membaca teks Arab yang berkaitan dengan keagamaan dan teks yang berkaitan bidang pengajian mereka sahaja (Suhaila et al., 2012). Oleh yang demikian, kajian berkaitan bidang yang diminati oleh pelajar universiti harus dilakukan bagi memastikan proses membaca dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

## **KAJIAN LAMPAU**

### **a) Kesan Minat Terhadap Penguasaan**

Gorjian & Javadifar (2013) mendapati minat terhadap sesuatu topik memberi kesan mendalam terhadap penguasaan pelajar dalam menjawab soalan kefahaman pelbagai pilihan terhadap petikan bahasa asing yang mereka minat. Di samping itu juga, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pelajar membaca bahan-bahan bacaan dalam bahasa Arab, antaranya kurang minat membaca di kalangan pelajar menjadi penyumbang utama kepada pengaruh membaca (Faizol Azham et al., 2012).

### **b) Minat Berbeza Mengikut Gender**

Kajian Carrell & Wise (1998) mendapati golongan lelaki lebih terkesan dengan minat sesuatu topik. Hal ini dilihat dari hasil keputusan mereka yang sangat baik dalam menjawab soalan berdasarkan teks yang mereka minati. Sebaliknya, pembaca dari golongan perempuan pula lebih terkesan pada topik yang kurang diminati kerana tahap pembacaan pada topik yang mereka kurang minat adalah tinggi.

### **c) Kesukaran Mendapatkan Bahan Bacaan**

Seterusnya kajian Faizol Azham Mohamed et al. (2012) pula menyatakan kesukaran mendapatkan bahan-bahan bacaan yang sesuai dengan tahap pelajar. Oleh itu, melalui dapatan kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu semua pihak dalam menangani masalah-masalah dalam proses membaca pelajar khususnya pelajar yang mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA).

### **d) Faktor Yang Mempengaruhi Minat Membaca**

Seterusnya kajian Aisah (2012) menemui sumbangan Faktor Buku Teks Terhadap Pencapaian Bahasa Arab menunjukkan jumlah sumbangan faktor buku teks terhadap pencapaian pelajar, iaitu sebanyak 15% sahaja. Nilai ini kecil dan tidak

signifikan. Ini bermakna faktor buku teks tidak memberi sumbangan yang besar dalam menentukan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab. Ini mungkin disebabkan oleh peranan buku teks itu sendiri yang kurang berkesan kerana menggunakan bahasa yang susah difahami atau tidak menarik minat pelajar untuk menjadikannya sebagai rujukan utama. Kesimpulan daripada kajian lepas mendapati minat terhadap sesuatu topik akan memberi keputusan yang baik dalam penguasaan membaca (Gorjani & Javadifar, 2013). Selain itu juga, Carrell & Wise (1998) dalam kajian mereka mendapati perbezaan jantina juga berlaku dalam pemilihan teks bacaan. Namun dalam kajian Aisah (2012) pula agak berbeza kerana didapati faktor teks hanya memberi sumbangan yang kecil sahaja dalam penguasaan bahasa Arab.

Berdasarkan beberapa isu yang diutarakan, maka kajian ini akan mengenalpasti bidang yang diminati oleh pelajar. Selain itu, kekerapan responden dalam memilih bahan bacaan dalam bidang yang diminati turut dikaji. Seterusnya, kajian ini juga akan menganalisis perbezaan bidang yang diminati pelajar berdasarkan jantina.

## **REKABENTUK KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang memilih kaedah tinjauan dalam pengumpulan data.

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar yang mengikuti program Sarjana Muda bahasa Arab sepenuh masa di Universiti Awam. Rasional pemilihan mereka adalah bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu bagi mengetahui bidang bahan bacaan Arab yang menjadi pilihan mereka. Universiti Awam yang terlibat dalam kajian ini ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pemilihan responden adalah berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Jadual 1 dibawah menunjukkan jumlah bilangan populasi dan bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini.

**Jadual 1: Jumlah Populasi dan Responden Mengikut Universiti Awam**

<b>IPTA</b>	<b>Populasi</b>	<b>Responden</b>
UPM	118 orang	92 orang
UM	60 orang	52 orang
UKM	209 orang	136 orang
UIAM	655 orang	263 orang
<b>JUMLAH</b>	<b>1042 orang</b>	<b>543 orang</b>

Instrumen kajian yang akan digunakan ialah Ujian Inventori Minat. Ujian ini dibina adaptasi daripada kajian Patricia L. Carrell dan Teresa E. Wise (1998) yang menyenaraikan sepuluh tajuk dari ensiklopedia namun kajian ini penyelidik menyenaraikan sepuluh bidang yang pelbagai dalam pemilihan bahan bacaan Arab. Dalam ujian ini, responden dikehendaki menentukan tahap minat mereka berdasarkan skala Likert yang mengandungi 5 skala seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 2: Skala Likert dalam Ujian Inventori Minat**

<b>Skala</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
Maksud	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian yang telah dianalisis menunjukkan hasil yang tertera pada Jadual 3 di bawah. Untuk menjawab objektif pertama; iaitu senarai bidang bahan bacaan yang menjadi pilihan pelajar. Jadual 3 di bawah merupakan hasil untuk objektif tersebut.

**Jadual 3: Senarai Bidang Yang Diminati Oleh Pelajar**

	<b>BIDANG</b>	<b>STS</b>		<b>TS</b>		<b>NEUTRAL</b>		<b>SETUJU</b>		<b>SS</b>	
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
1	Sukan	34	6.3	54	9.9	98	18.0	127	23.4	230	42.4
2	Pendidikan	14	2.6	17	3.1	74	13.6	128	23.6	310	57.1
3	TM	60	11.0	68	12.5	88	16.2	143	26.3	184	33.9
4	Hiburan	50	9.2	84	15.5	90	16.6	98	18.0	221	40.7
5	Makanan	27	5.0	43	7.9	85	15.7	101	18.6	287	52.9
6	Agama	10	1.8	25	4.6	66	12.2	95	17.5	347	63.9
7	Perniagaan	97	17.9	92	16.9	95	17.5	116	21.4	143	26.3
8	Kesihatan	110	20.3	114	21.0	89	16.4	118	21.7	112	20.6
9	Sejarah	88	16.2	109	20.1	135	24.9	117	21.5	94	17.3
10	Sains	123	22.7	152	28.0	133	24.5	83	15.3	52	9.6

Jadual di atas menerangkan kekerapan dan peratusan bagi sepuluh bidang pemilihan bahan bacaan berbahasa Arab dalam kalangan pelajar Universiti Awan. Pemerhatian awal pada jadual 3 di atas didapati terdapat tiga bidang yang mempunyai jumlah bilangan yang sangat diminati pelajar iaitu bidang pendidikan seramai 310 orang, seterusnya bidang keagamaan dengan jumlah kekerapan 347 orang dan diikuti dengan bidang pemakanan seramai 287 orang.

Seterusnya untuk menjawab objektif kedua; iaitu min pelajar membaca bidang yang diminati, jadual 4 di bawah merupakan hasil untuk objektif tersebut

#### **Jadual 4: Min Bidang Yang Diminati Responden**

Bil	Bidang	Lelaki		Perempuan	
		Min	sp	Min	sp
1	Sukan	3.77	1.310	3.88	1.228
2	Pendidikan	4.25	1.047	4.31	.976
3	TM	3.62	1.297	3.59	1.370
4	Hiburan	3.50	1.317	3.69	1.395
5	Makanan	3.85	1.283	4.12	1.178
6	Agama	4.31	.997	4.38	.986
7	Perniagaan	3.01	1.456	3.26	1.449
8	Kesihatan	2.96	1.490	3.03	1.425
9	Sejarah	2.96	1.326	3.06	1.327
10	Sains	2.76	1.400	2.57	1.214

Hasil daptan dari Ujian Inventori Minat, pengkaji menemui purata bidang yang menjadi pilihan keseluruhan responden dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA) adalah dari bidang pendidikan, keagamaan dan bidang makanan. Berpandukan nilai min dari responden lelaki, bidang yang paling diminati oleh pelajar lelaki adalah bidang keagamaan (4.31), seterusnya diikuti dengan bidang pendidikan (4.25) dan diikuti dengan bidang makanan (3.85). Manakala pelajar perempuan pula lebih berminat kepada bidang keagamaan (4.38), bidang pendidikan (4.31) dan seterusnya bidang makanan (4.12).

Selain itu, didapati susunan bidang mengikut tahap minat dari kalangan responden lelaki dan perempuan juga berbeza. Responden lelaki lebih cenderung kepada sukan, teknologi maklumat, hiburan, perniagaan, kesihatan, sejarah dan diakhiri dengan bidang sains. Manakala bagi responden perempuan pula lebih cenderung kepada bidang sukan, hiburan, teknologi maklumat, perniagaan, sejarah, kesihatan dan sains.

Manakala untuk menjawab objektif ketiga; iaitu Ujian-t pelajar membaca bidang yang diminati, jadual 5 di bawah merupakan hasil untuk objektif tersebut.

#### **Jadual 5: Perbezaan Bidang Yang Diminati Pelajar Berdasarkan Jantina**

Jantina	Min	Sisihan piawai	t	Sig.
Lelaki	3.85	1.305	-2.056-	.013
Perempuan	4.12	1.168		

Terdapat 10 bidang yang terdapat dalam Ujian Inventori Minat yang telah diedarkan kepada pelajar. Hasil Ujian-t mendapatkan hanya bidang pemakanan sahaja yang terdapat perbezaan di antara responden lelaki dan perempuan.

Berdasarkan jadual di atas, statistic deskriptif skor min bagi kumpulan lelaki ialah 3.85, manakala skor min bagi kumpulan perempuan ialah 4.12. Nilai sisihan piawai bagi kumpulan lelaki ialah 1.305 manakala nilai sisihan piawai bagi kumpulan perempuan ialah 1.168 Nilai-t ialah -2.056- pada tahap signifikansi 0.01. Ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan lelaki dan kumpulan perempuan di mana  $p < 0.05$  dan perbezaan min ialah -0.27.

Dengan merujuk kepada jadual di atas hasil ujian-t ke atas ujian inventori minat yang telah dibuat oleh pelajar didapati bahawa terdapat perbezaan skor yang signifikan di mana skor min kumpulan perempuan (4.12) yang lebih besar daripada skor min kumpulan lelaki (3.85). Ini membuktikan bahawa pelajar perempuan lebih meminati petikan berbahasa Arab dari bidang pemakanan berbanding pelajar lelaki.

## **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat tiga bidang yang paling diminati oleh pelajar-pelajar Universiti Awam dalam memilih bahan bacaan Arab; iaitu pendidikan, keagamaan dan makanan. Dalam konteks pendidikan universiti, pelajar digalakkan untuk mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber. Mereka membaca untuk pelbagai tujuan dan setiap pelajar mempunyai minat yang berbeza. Selain itu juga, tujuan membaca juga dipengaruhi oleh pemilihan dan bidang yang dibaca (Yahya, 2006). Justeru itu, pengkaji berharap data yang diperolehi melalui Ujian Inventori Minat ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak terutama sekali pihak pengurusan pengajaran bahasa Arab di Universiti Awam dalam menyediakan bahan bacaan kepada para pelajar dan juga dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

## BIBLIOGRAFI

- Carrell, P. L., & Wise, T. E. (1998). The relationship between prior knowledge and topic interest in second language reading. *Studies in Second Language Acquisition*, 20, 285–309. <https://doi.org/10.1017/S0272263198003015>
- Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Nik Mohd Rahimi, Nik Mohd Rahimi & Zamri Mahamod. 2009. Strategi metafizik: kesinambungan penerokaan domain utama pembelajaran bahasa. GEMA Online™ Journal of Language Studies, 9(2), 1-13.
- Gaya, K., Dan, P., Pendidikan, D. I. F., & Johor, U. T. M. (2007). kemahiran belajar pelajar universiti (contrasting learning styles and study skills, 1–104.
- Gorjian, B., & Javadifar, M. (2013). Effects of Gender and Passage Content on Multiple-Choice Reading Comprehension Test. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 84, 723–727. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.06.634>
- Hasman, A. B. (2012). Pengalaman Guru Bahasa Arab Menggunakan Teks Yang Berbeza Jenis Dalam Pengajaran Kemahiran Mendengar Peringkat Permulaan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*, 2012 (Yahya 2005), 15–33. Retrieved from <http://www.ukm.my/uba/sebar2012/prosiding.htm>
- Islam, F. P. (2012). Bagaimana Menggalakkan Para Pelajar Membaca Bahan-bahan dalam Bahasa Arab dengan Lebih Kerap dan Efektif, 1–4
- Rosni bin Samah. (2009). *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*
- Suhaila Zailani @ Hj., Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj.Hashim, Zuraida Shaadon, & Nur Syazwina Mustapa. (2012). The Purpose of Reading Arabic Text and the Problems Faced: A Preliminary Survey at the Faculty of Islamic Studies. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 59, 18–25. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.09.240>
- Yahya bin Othman. (2006). *Proses Pemahaman Teks Akademik Dalam Kalangan Pelajar Universiti.*

## **LAMPIRAN**

Berikut merupakan contoh Ujian Inventori Minat yang telah diedarkan kepada responden.

Arahan: Jika anda diberi teks bacaan Arab, bidang apakah yang anda paling minat? Sila tandakan (/) di dalam ujian dibawah.

	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju					
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
<b>SUKAN</b>										
<b>PENDIDIKAN</b>										
<b>TM</b>										
<b>HIBURAN</b>										
<b>MAKANAN</b>										
<b>AGAMA</b>										
<b>PERNIAGAAN</b>										
<b>KESIHATAN</b>										
<b>SEJARAH</b>										
<b>SAINS</b>										